

14/03/2001

Gilir KM: Antara itik tempang dan batu ladung

Lichong Angkui

HARUSKAH sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah diteruskan, diubah atau dimansuhkan?

Inilah persoalan baru berlegar di ruang politik Sabah ketika tempoh giliran dua tahun Datuk Osu Sukam sebagai Ketua Menteri dijadualkan berakhir beberapa hari lagi.

Jawapan kepada persoalan itu hanya boleh diberikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerana semua parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah sudah memberi mandat kepada Perdana Menteri membuat keputusan itu.

Malah, lima pemimpin parti komponen utama di Sabah - Umno, Parti Maju Sabah (SAPP), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Parti Liberal Demokratik (LDP) dan Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun/Murut Bersatu (Upko) sudah menyerahkan laporan bertulis kepada Dr Mahathir mengenai pandangan parti masing-masing berhubung sistem itu.

Namun begitu, sudah banyak juak-juak politik memberi komen dan pandangan mengenainya. Ada yang lantang mengatakan hapus saja sistem itu kerana ia sekadar janji politik. Namun, ada juga tampil mempertahankan supaya sistem itu diteruskan kerana berpendapat ia adalah komitmen politik.

Maka dalam mencari penyelesaian terbaik, bukanlah sesuatu yang mudah. Ia perlu ditatang bagai minyak yang penuh, ibarat menarik rambut dalam tepung. Sejak diperkenalkan pada 1994, sistem itu membawa banyak kebaikan. Paling ketara, berjaya menstabilkan politik Sabah yang bergolak sebelumnya dan sering berubah mengikut selera rakyat. Namun demikian, tidak dapat dinafikan ada juga kelemahan tersendiri sehingga menyebabkan ketidaktentuan dan tempang dalam politik Sabah.

Malah, Perdana Menteri sendiri mengakui sistem itu mewujudkan ketua menteri `itik tempang' kerana perubahan kepimpinan setiap dua tahun boleh menyebabkan kerajaan yang kurang berkesan.

Dalam pada itu, penganalisis politik tempatan menyifatkan sistem itu seperti `batu ladung' mengimbangi kuasa politik antara kerajaan negeri dan Persekutuan. Dulu, karenah politik Sabah sering memeningkan Kuala Lumpur lantaran banyak kemungkinan berlaku di luar dugaan. Sejarah membuktikan banyak tindakan politik di Kota Kinabalu diambil tanpa merujuk kepada Kuala Lumpur, sekali gus mencetuskan dilema berpanjangan.

Kuala Lumpur menyedari hakikat ini dan pelaksanaan sistem itu sendiri tentunya untuk mententeramkan keadaan.

Tetapi pengenalan sistem penggiliran itu yang juga disebut oleh agas-agas politik sebagai `merry-go-round' telah mencipta hak untuk dituntut oleh masyarakat Bumiputera bukan Islam dan Cina, iaitu sesuatu yang tidak pernah berbangkit sebelum ini.

Maka atas tuntutan terhadap `hak' itulah, kumpulan itu kini kedengaran lantang bersuara. Malah, ugutan politik secara emosi sedikit demi sedikit mulai terkeluar, sedangkan nafas dan survival politik mereka tetap berpaut di bawah panji-panji BN.

Pada satu pihak, Umno sebagai tunjang utama kerajaan tetap menuntut hak secara demokratik sebagai parti dominan dan suara majoriti dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah. Pada satu pihak lain, masyarakat Kadazandusun/Murut dan Cina juga secara terbuka menuntut hak yang dijanjikan dahulu.

Pertembungan itu tentu saja mewujudkan polemik baru. Sama ada harus menunaikan hak atau memenuhi kehendak sistem?

Justeru, penyelesaiannya harus dibuat secara toleran. Kalau diteruskan,

Umno sebagai tunjang kerajaan mungkin dilihat sebagai kehilangan kewibawaan dan kuasa politik, sedangkan itulah matlamatnya menyeberangi Laut China Selatan pada 1991.

Pada masa sama pembangkang utama, Parti Bersatu Sabah (PBS) mungkin mendapat kredit dan 'political mileage' kerana mereka antara penentang terawal sistem itu yang dikatakan bercanggah Perlembagaan Sabah. Ia perlu diambil perkiraan oleh kepemimpinan BN. Begitu juga dengan konotasi liar penentang integrasi bahawa 'siapapun Ketua Menteri, KL tetap berkuasa' perlu turut diambil iktibar.

Sebaliknya, jika dimansuhkan, masyarakat Bumiputera Islam dan Cina mungkin berasakan mereka dinafikan hak yang dijanjikan. Malah, hari ini pun, sudah kedengaran suara-suara nyaring daripada pemimpin parti komponen BN sendiri menyatakan bahawa masyarakat Kadazandusun/Murut akan berasakan diri mereka terpinggir jika sistem itu dimansuhkan.

Sama ada dimansuhkan atau diteruskan, bermakna ia perlu dibayar dengan harga yang mahal.

Hakikatnya, satu formula baru yang boleh menjadi penawar mesti dicari secara kompromi untuk tidak menyakitkan mana-mana pihak. Penawar itulah yang masih dinantikan oleh semua pihak di Sabah sedang teka-teki mengenai nasib sistem itu terus menjadi tanda tanya.

Namun begitu, jaminan Dr Mahathir selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno Jumaat lalu bahawa beliau akan mengambil kira kepentingan rakyat Sabah dan pembangunan negeri sebelum membuat keputusan berhubung sistem itu, sesuatu yang melegakan pelbagai pihak di Sabah.

Sambil kepentingan parti komponen BN juga turut diambil kira, kalangan aktivis politik di Sabah percaya Dr Mahathir akan membuat keputusan pragmatik, yang dapat diterima oleh parti komponen BN.

Seperti perumpamaan Melayu 'kuat burung kerana sayap, kuat ketam kerana sepit' kekuatan BN sebenarnya terletak pada semangat muafakat dan setiakawan yang menjadi teras penyelesaian sesuatu kemelut.

Seperti dibayangkan oleh Perdana Menteri sebelum ini, Sabah memerlukan suatu formula politik yang jelas menggambarkan ketelusan dan perkongsian sejati untuk menentukan ia melangkah seiring arus perdana politik dan pembangunan negara.

Formula penyelesaian harus mengambil kira kegiatan berpolitik serta tahap pembangunan di Sabah yang agak terkemudian berbanding di Semenanjung. Ini kerana kemampuan Sabah dari segi kewangan dan kepakaran masih terbatas. Tanpa sokongan politik yang kuat serta bantuan kewangan Kerajaan Persekutuan, mungkin sukar mengejar kemajuan pesat yang sudah dinikmati Selangor, Pulau Pinang, Johor dan negeri lain.

Pada masa yang sama, hakikat keunikan politik Sabah tidak harus diketepikan. Sudah pun terukir dalam sejarah politik Sabah bahawa Ketua Menteri bukan milik mutlak kaum atau agama tertentu.

Kerajaan Sabah pernah dipimpin oleh tokoh mewakili pelbagai kaum, bermula Tun Datu Mustapha Datu Harun, Datuk Peter Lo, Tun Fuad Stephens (Donald Stephens), Datuk Harris Salleh, Datuk Joseph Pairin Kitingan dan kemudian era penggiliran yang bermula pada 1994.

Pemberontakan politik pasca merdeka yang menyaksikan pertukaran kerajaan setiap dua penggal, daripada zaman Usno, Berjaya dan PBS, adalah manifestasi jelas betapa politik Sabah sentiasa dramatik dan menarik untuk diikuti perkembangannya.

Nasib yang menimpa parti pemerintah terdahulu yang cuma mampu bertahan selama kira-kira 10 tahun, semestinya menjadi perhitungan parti yang mendominasi hari ini kerana itu juga mungkin dianggap sebagai sistem penggiliran pemerintahan.

(END)